

# India sediakan dana

UM 16 MAY 2001

KUALA LUMPUR 15 Mei — Kerajaan India akan menyediakan dana eksport berjumlah AS\$50 juta (RM190 juta) bagi menggandakan perdagangan dua hala antara Malaysia dan India kepada AS\$5 bilion (RM19 bilion) dalam masa tiga tahun, kata Perdana Menteri India, Atal Bihari Vajpayee.

Beliau berkata, sasaran untuk menggandakan jumlah dagangan dua hala antara Malaysia dan India boleh dicapai dengan memperlakukan dan memperluaskan bidang perdagangan sedia ada.

"Bagi mencetus usaha itu, kerajaan saya telah bersetuju untuk menawarkan kredit berjumlah AS\$50 juta bagi pengimportan projek dan barangan perindustrian masuk ke Malaysia dari India," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan di Forum Perniagaan Malaysia • India yang turut dihadiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Vajpayee berkata, Malaysia merupakan rakan dagang ASEAN yang terbesar dengan dagangan sejumlah AS\$2.5 bilion (RM9.5 bilion) selain menjadi negara pelabur kelapan terbesar di India.

"Namun begitu, pelaburan sebenar hanyalah kira-kira AS\$50 juta, menjadikan nisbah realisasi di bawah kadar empat peratus.

"Oleh itu, kami ingin menggesa ahli-ahli perniagaan Malaysia mempergunakan sepenuhnya peluang perniagaan yang semakin luas di India," katanya.

India juga telah menjemput ahli-ahli perniagaan Malaysia mengambil bahagian dalam pembangunan infrastruktur seperti Projek Pembangunan Lebu Raya Kebangsaan dan beberapa projek pelabuhan, tambahnya.

Menurut Vajpayee, India juga telah bersetuju untuk mengkaji semula kadar duti

## perdagangan dua hala RM190j

import terhadap minyak sawit mentah bagi meningkatkan hubungan dengan negara-negara ASEAN.

"Kami akan melakukannya dengan cara yang akan melindungi kepentingan para petani kami tetapi memudahkan pengimportan minyak sawit mentah Malaysia untuk kegunaan loji penapis," katanya.

Tambahnya, tindakan mengenakan tarif import yang tinggi terhadap minyak sawit terpaksa dibuat bagi mengimbangi tanggungjawab terhadap Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan melindungi kepentingan para petani di India.

Vajpayee berkata, peluang terbesar bagi kerjasama antara Malaysia dan India adalah dalam bidang teknologi maklumat dan perusahaan berasaskan pengetahuan lain.

"Kekuatan kita adalah saling menyokong. India memiliki kekuatan yang terbukti dalam

pembangunan perisian manakala Malaysia memiliki sektor perkakasan yang telah dibangunkan dengan baik," tegasnya.

Terdapat 14 buah syarikat India beroperasi di Koridor Raya Multimedia yang telah membangunkan aplikasi perisian yang inovatif untuk kegunaan negara ini, tambahnya.

Vajpayee berkata, lebih banyak syarikat India yang berminat untuk membangunkan pusat pembangunan mereka di Malaysia tetapi mereka mahu berurusan secara terus, bukannya menjadi subkontraktor dalam menyediakan penyelesaian perisian kepada negara ini.

Sementara itu, Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik yang ditemui selepas majlis itu menyatakan, pihaknya menjangkakan perubahan terhadap tarif duti import minyak sawit mentah itu

akan dilaksanakan seawal minggu ini juga oleh kerajaan India.

Beliau bagaimanapun tidak pasti mengenai kadar baru yang akan dikenakan kerana apa yang diminta oleh Malaysia hanyalah pasaran atau kadar yang sama rata.

Buat masa sekarang, minyak sawit mentah dikenakan duti import sebanyak 75 peratus berbanding minyak soya yang dikenakan 45 peratus.

Dr. Lim berkata, Dr. Mahathir juga telah mengarahkannya membuat kajian sama ada India boleh menggunakan peruntukan mengenakan 'levi pembangunan' yang dibenarkan di bawah WTO untuk melindungi kepentingan para petaninya.

Pengenaan levi pembangunan terhadap minyak soya juga boleh mengimbangi persaingannya dengan minyak sawit, tambah beliau.